

Sarawak perlu lebih banyak pusat rawatan hemodialisis

Sekurang-kurangnya 500 individu di Sarawak diagnosis dengan kegagalan buah pinggang dan harus mulakan rawatan

Oleh Agnes Tugong

KUCHING: Sarawak memerlukan lebih banyak pusat rawatan hemodialisis bagi pesakit buah pinggang di negeri ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Dato Sri Dr Sim Kui Hian berkata, sekurang-kurangnya 500 individu di negeri ini diagnosis dengan kegagalan buah pinggang dan harus memulakan rawatan dialisis mereka.

Manakala, antara 200 dan 250 pesakit meninggal dunia setiap tahun akibat kegagalan buah pinggang.

“Jumlah pesakit buah pinggang di Sarawak adalah seramai 3,544 pesakit dengan 90 peratus daripadanya menjalani hemodialisis dan selebihnya menjalani dialisis peritoneal.

“Pesakit buah pinggang yang menjalani hemodialisis

“ Pesakit buah pinggang yang menjalani hemodialisis perlu ke pusat dialisis tiga kali seminggu, empat jam setiap sesi dan ia adalah membebankan bagi mereka yang tidak berkemampuan. ”

Dato Sri Dr Sim Kui Hian
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

perlu ke pusat dialisis tiga kali seminggu, empat jam setiap sesi dan ia adalah membebankan bagi mereka yang tidak berkemampuan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyaksikan penyerahan sumbangan mesin hemodialisis baharu bernilai RM40,000 daripada OCBC Bank (Malaysia) Berhad kepada Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NFK) di sini semalam.

Tambah Dr Sim, di Sarawak badan bukan kerajaan (NGO) menyediakan 34 peratus rawatan hemodialisis yang terdapat di seluruh negeri.

Pada masa ini katanya, terdapat lima pusat dialisis yang dikendalikan NGO di Kuching, dua di Sibul dan masing-masing satu di Miri, Bintulu dan Serian.

Untuk pusat-pusat ini katanya, pesakit membayar antara RM90 hingga RM150

setiap sesi rawatan, manakala di sektor swasta pesakit dikenakan bayaran antara RM200 hingga RM300 setiap sesi.

Mengenai sumbangan mesin hemodialisis bernilai RM40,000 tersebut, ia akan memberi manfaat kepada 72 pesakit yang merupakan pengguna tetap Pusat Hemodialisis NFK Kota Samarahan.

Sumbangan tersebut adalah atas usaha bersama Kelab Rotary Kuching (RCK) dan Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS) bagi menambah bilangan mesin yang diperlukan di pusat tersebut untuk beroperasi secara optimum.

Hadir sama Timbalan Presiden KAS Dr Simon Wong, Presiden RCK Mona Abdul Manap serta Pengurus Kanan OCBC Bank Cawangan Kuching Jessie Lim.



TUJUAN MURNI: Dr Sim (tengah) menyaksikan penyerahan cek sumbangan bernilai RM40,000 daripada OCBC Bank kepada Pusat Dialisis NFK Kota Samarahan bagi mesin hemodialisis baharu, semalam. — Gambar Muhammad Rais Sanusi